

HO HUP CONSTRUCTION COMPANY BERHAD (No. Syarikat 14034-W)

NOTIS DAN DASAR PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

HO HUP CONSTRUCTION COMPANY BERHAD ("HO HUP") mengiktiraf kepentingan privasi dan sensitivity maklumat peribadi.

Manakala **HO HUP** tidak tertakluk kepada prinsip perlindungan data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami mematuhi kepada peruntukan berkaitan yang tertakluk dibawah Akta Perlindungan Data Peribadi **(selepas ini dirujuk sebagai "APDP")**.

Selaras dengan peruntukan dibawah APDP, notis perlindungan data peribadi ini adalah untuk memaklumkan kepada anda cara kami mengumpul and memproses data peribadi anda bila berurusan atau berhubung dengan kami atau bila anda melawat laman web dan/atau laman Facebook (jika berkenaan) atas berinteraksi dengan kami melalui pelbagai bentuk termasuk mesyuarat, emel, faks, secara lisan, seminar, persidangan, acara atau promosi termasuk maklumbalas kepada iklan atau komunikasi oral.

Untuk tujuan Notis dan Dasar ini, definisi "Subjek Data" bermaksud seseorang individu yang merupakan subjek kepada data peribadi dan "Data Peribadi" bermaksud sebarang maklumat berhubung kait dengan transaksi komersial, dimana-

- (a) ia diproses sebahagian atau sepenuhnya melalui alat yang beroperasi secara automatik sebagai maklum balas terhadap arahan yang diberi untuk tujuan tersebut;
- (b) dirakam untuk tujuan diproses sebahagian atau sepenuhnya melalui alat yang sedemikian; atau
- (c) dirakam sebagai sebahagian daripada sistem fail yang relevan atau dengan tujuan yang dibentuk sebagai sebahagian daripada sistem fail yang relevan,

yang dihubung kait secara langsung atau secara tidak langsung kepada Subjek Data, yang dikenal atau dikenali daripada informasi tersebut atau daripada informasi lain di miliki oleh kami.

Dengan berurusan atau berhubung dengan kami atau dengan memberi maklumbalas kepada iklan, risalah atau sebarang bentuk promosi atau pemasaran atau dengan melayari laman web kami, anda telah memberi persetujuan kepada kami untuk mengguna, mengumpul dan memproses data peribadi anda dengan cara yang tertera di Notis ini.

Notis ini mungkin diubah atau dikemaskini dari semasa ke semasa dan anda dinasihati agar melayari laman web kami untuk maklumat terkini. Dengan berurusan dan berhubung secara berterusan dengan kami atau melayari laman web selepas diubah atau dikemaskini secara berterusan, anda dianggap mengesahkan dan menerima sebarang perubahan atau kemas kini terhadap Notis ini.

HO HUP memahami kepentingan untuk melindungi data peribadi semua individu dengan siapa kami mempunyai hubungan kontraktual dan kami komited terhadap prinsip-prinsip yang berikut:

1. Prinsip Am;
2. Prinsip Notis dan Pilihan;
3. Prinsip Penzahiran;
4. Prinsip Keselamatan;
5. Prinsip Penyimpanan;
6. Prinsip Integriti Data; dan
7. Prinsip Akses.

Prinsip Am

Kami hanya akan memproses Data Peribadi tertakluk kepada persetujuan daripada Subjek Data samada secara sah atau eksplisit. Walau bagaimanapun, Data Peribadi anda akan diproses di mana pemrosesan Data Peribadi adalah perlu:

- (a) bagi melaksanakan kontrak yang mana Subjek Data adalah pihak kepadanya;
- (b) bagi mengambil langkah atas permintaan Subjek Data dengan maksud untuk memasuki kontrak dengan Subjek Data;
- (c) bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang mana Subjek Data adalah tertakluk kepadanya, selain daripada obligasi yang dikenakan oleh sesuatu kontrak;
- (d) bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang seperti peguam, bank, juru audit atau agensi-agensi kerajaan

Prinsip Notis dan Pilihan

Data yang diproses termasuk (dimana Subjek Data merupakan individu perseorangan) nama Subjek Data, umur, alamat, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, pekerjaan, majikan dan (dimana Subjek Data merupakan sebuah entiti korporat) nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat dan alamat dan sebarang maklumat lain yang Subjek Data beri atau kami wajib perolehi bagi tujuan anda berurusan atas berhubung dengan kami.

Anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda. Jika anda ingin memohon untuk mengakses data peribadi anda, sila hubungi kami. Nama pegawai kami yang bertanggungjawab untuk melayan permohonan anda adalah seperti yang tertera dibawah.

Kami sarankan agar permohonan anda untuk mengakses data peribadi yang dipegang oleh KPJ dibuat secara bertulis. Kami juga mungkin akan mengambil langkah-langkah untuk mengesahkan identiti anda sebelum memenuhi permohonan anda untuk mengakses data peribadi anda.

Data Peribadi anda, untuk tujuan berurusan dengan kami, boleh didedahkan kepada pihak peguam, bank, juru audit atau agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan mengikut undang-undang. Kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak melainkan dengan tujuan untuk berurusan dengan kami melainkan anda memberi persetujuan kepada pendedahan sedemikian.

Anda boleh menghadkan kandungan data yang diberikan kepada kami dengan menghubungi pegawai kami secara lisan dan menentukan tahap yang dibenarkan dan kami akan mengisytiharkan bahawa pendedahan maklumat sedemikian adalah secara sukarela. Walaubagaimanapun, sesetengah maklumat adalah penting sekiranya anda ingin berurusan dengan kami, seperti maklumat mengenai maklumat persendirian, nama, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, nama dan nombor syarikat, alamat dan maklumat perhubungan disebabkan maklumat sedemikian diperlukan untuk memproses sebarang kontrak, kertas cadangan, sebutharga atau sebarang cadangan untuk melaksanakan kontrak, hubungan, usaha sama, urusan perniagaan atau sebarang urusan atau hubungan dengan kami samada ia semasa, dicadangkan atau dipertimbangkan.

Sekiranya anda memilih untuk menghadkan kandungan data yang diberikan kepada kami, ia akan mengakibatkan kontrak yang dicadangkan/dipertimbangkan tidak dapat diproses dengan sepenuhnya.

Prinsip Penzahiran

Kami komited untuk tidak akan menzahirkan Data Peribadi anda dan tanpa persetujuan anda, bagi sebarang maksud lain selain yang tertera diatas.

Prinsip Keselamatan

Kami bertanggungjawab bagi mengambil langkah berhemah untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan semua Data Peribadi dan akses kepada semua data peribadi hanya dihadkan kepada pegawai tertentu sahaja dan Data Peribadi anda dilindungi dengan kata laluan serta perisian anti virus untuk menghalang sebarang kecurian dan akses yang tidak dibenarkan terhadap Data Peribadi anda.

Prinsip Penyimpanan

Data Peribadi yang diproses dan/atau disimpan oleh kami hanya disimpan selama yang diperlukan bagi mematuhi permintaan atau sehingga anda meminta agar maklumat dipadamkan mengikut proses dalaman kami. Kami bertanggungjawab untuk memusnahkan atau memadamkan Data Peribadi anda secara kekal selepas ia memenuhi tujuan Data Peribadi itu diproses.

Prinsip Integriti Data

Kami akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa Dat peribadi anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan mengambil kira maksud (termasuk secara langsung dan tidak langsung) data telah dikumpulkan dan diproses selanjutnya. Anda juga perlu memberitahu kami untuk mengemaskini Data Peribadi anda sekiranya ada sebarang perubahan supaya kami dapat memenuhi komitmen kami untuk mengemaskini Data Peribadi anda.

Prinsip Akses

Kami akan melakukan yang terbaik untuk memastikan agar data peribadi yang kami pegang mengenai anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini tertakluk kepada batasan dibawah Akta Perlindungan Data Peribada 2010. Jika terdapat sebarang perubahan terhadap data peribadi anda atau anda percaya bahawa data peribadi anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini, sila hubungi kami agar kami dapat mengambil langkah-langkah perlu untuk mengemaskini data peribadi anda. Anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda. Jika anda ingin memohon untuk mengakses data peribadi anda, sila hubungi kami. Kami sarankan agar permohonan anda untuk mengakses data peribadi yang dipegang oleh kami dibuat secara bertulis kepada pegawai yang ditetapkan. Pegawai kami yang ditetapkan untuk permohonan untuk mengakses data atau pembedulan data peribadi anda ialah :

Pegawai yang ditetapkan	:	Penolong Pengurus Undang-Undang
Alamat	:	Ho Hup Construction Company Berhad No. 18 Jalan 17/155C, Bandar Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur
Tel	:	03-89939168
Faks	:	03-89939268
Email	:	norfaisfa@hohupgroup.com.my
Laman Web	:	www.hohupgroup.com.my

Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda

Data peribadi anda dikumpul dan diproses oleh kami untuk tujuan aktiviti komersil termasuk untuk tujuan-tujuan seperti berikut:-

- (a) untuk pengesahan identiti anda;
- (b) untuk dimajukan kepada pihak peguam untuk penyediaan kontrak;
- (c) untuk dimajukan kepada pihak bank dan/atau peguam dan/atau juruaudit dan/atau penasihat professional untuk tujuan seperti penilaian risiko, penilaian, penilaian kewangan untuk tujuan penyediaan kontrak dan/atau usaha yang wajar;
- (d) untuk berhubung dengan anda termasuk menjawab pertanyaan anda;
- (e) untuk semua tujuan berhubungkait dengan aktiviti komersil kami terhad kepada rujukan perhubungan dengan kami;
- (f) untuk mematuhi kepada keperluan undang-undang atau peraturan statutory atau perintah mahkamah;
- (g) untuk menghantar bahan bercetak seperti katalog, risalah, promosi, jemputan atau bahan-bahan promosi yang lain (bahan-bahan promosi hanya akan dihantar kepada anda sekiranya anda memilih untuk menerima bahan-bahan tersebut dan anda boleh menolak untuk menerima bahan-bahan promosi tersebut)

- (h) untuk tujuan audit keselamatan dan audit dalaman;
- (i) untuk tujuan lain yang diberi kebenaran oleh anda; dan
- (j) untuk tujuan-tujuan lain yang berhubung kait secara langsung atau tidak langsung dengan tujuan-tujuan yang tertera diatas.

Kebenaran Lisan

Tertakluk kepada Akta Data Perlindungan Peribadi yang memerlukan kebenaran secara lisan terhadap data peribadi anda, kami hanya akan proses data peribadi anda setelah mendapat kebenaran anda secara lisan.

Peruntukan kecualian

Kami merizabkan hak untuk mengemaskini, meminda dan mengubah Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan kepada Dasar Privasi akan dipaparkan di laman web kami di : www.hohupgroup.com.my